A

ABEILLE D'OR CORPORATION

lwn.

JIA SHUN SDN BHD

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
VT SINGHAM H
[NOTIS USUL NO: 25NCVC-11-2011]
12 OGOS 2011

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Perintah - Perintah mahkamah membatalkan kaveat atas hartanah - Permohonan untuk mengenepikan perintah - Penyerahan notis usul pemula kepada responden - Sama ada sah, teratur dan diterima - Sama ada responden mempunyai kepentingan yang boleh dikaveatkan atas hartanah - Kanun Tanah Negara, s. 327(1) - Sama*
D *ada akan membawa ketidakadilan dan prejudis besar kepada pemohon untuk perintah mahkamah diketepikan - Sama ada mahkamah functus officio*

UNDANG-UNDANG TANAH: *Kaveat - Pembatalan - Perintah membatalkan kaveat atas hartanah - Permohonan untuk mengenepikan*
E *perintah - Penyerahan notis usul pemula kepada responden - Sama ada sah, teratur dan diterima - Sama ada responden mempunyai kepentingan yang boleh dikaveatkan di atas hartanah - Kanun Tanah Negara, s. 327(1) - Sama ada akan membawa ketidakadilan dan prejudis besar*
F *kepada pemohon untuk perintah mahkamah diketepikan - Sama ada mahkamah functus officio*

Pada 4 Mei 2011, mahkamah telah mengeluarkan satu perintah memerintahkan antara lain agar pendaftar hakmilik diarahkan untuk membatalkan kaveat persendirian ('kaveat tersebut') yang
G dimasukkan terhadap sebidang tanah dan responden dilarang daripada mendaftarkan kaveat yang lain ke atas hartanah tersebut ('hartanah tersebut'). Melalui saman dalam kamar (lampiran 7) responden memohon supaya perintah 4 Mei 2011 tersebut diketepikan. Menurut responden, perintah 4 Mei 2011 adalah
H tidak sah dan terbatal atas alasan notis usul pemula tidak diserahkan ke atas responden secara sah dan atas alasan ini perintah 4 Mei 2011 harus diketepikan. Menurut responden lagi, sebarang penyerahan ke atas peguamcara responden adalah tidak sah tanpa sebarang pengesahan ke atas peguamcara responden
I bahawa mereka mempunyai arahan untuk menerima kertas kausa bagi pihak responden. Responden juga menghujahkan bahawa

mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan agar responden dilarang daripada mendaftarkan kaveat yang lain ke atas hartanah tersebut. Pemohon asal (Abeille D'or Corporation) pula menghujahkan bahawa notis usul pemula (lampiran 1), afidavit sokongan (lampiran 2) dan surat iringan (eks. MHI1) telah disampaikan kepada Tetuan Gunaselan & Associates, peguamcara responden, pada 12 April 2011 dan penyampaian adalah teratur.

Diputuskan (menolak saman dalam kamar responden (lampiran 7) dengan kos):

(1) Mahkamah ini berpuas hati bahawa usul pemula (lampiran 1) dan afidavit sokongan (lampiran 2) telah diterima oleh Tetuan Gunaselan & Associates dan ia adalah sah di mana peguamcara telah dimaklumkan melalui surat iringan bahawa pendengaran usul pemula ditetapkan pada 4 Mei 2011. Apabila sebuah firma peguamcara menyampaikan kertas-kertas kausa kepada sebuah firma peguamcara yang lain dan dimaklumkan tarikh pendengaran usul pemula tersebut, peguamcara yang menerima kertas kausa dan meletak cop penerimaan sebagai bukti penerimaan pada 12 April 2011 tidak boleh berdiam diri selama-lamanya dan seterusnya harus bersedia dan setuju untuk menerima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 tanpa sebarang pertikaian atau bantahan. (perenggan 10)

(2) Usul pemula, bersama afidavit sokongan, diakui terima oleh peguamcara Tetuan Gunaselan & Associatess pada 12 April 2011 tetapi peguam tersebut terus berdiam diri. Peguam responden juga mengakui menerima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 pada 19 Mei 2011 dan sekaligus terus berdiam diri sehingga 16 Jun 2011 apabila saman dalam kamar ini (lampiran 7) difailkan untuk mengetepikan perintah bertarikh 4 Mei 2011. Oleh itu, responden telah pada 12 April 2011 mengetepikan (waived) sebarang hak pemohon atau peguamcaranya untuk menyatakan penyerahan adalah tidak teratur. Peguamcara responden diestop daripada menafikan atau mencabar bahawa penyampaian usul pemula adalah tidak teratur. (perenggan 10)

(3) Sebarang tindakan oleh responden atau wakilnya untuk memfailkan saman dalam kamar ini untuk mengetepikan perintah mahkamah yang diberikan pada 4 Mei 2011 adalah

dibuat dengan fikiran semula *(an afterthought)* dan dengan tujuan atau niat melengahkan keadilan dan untuk mempengaruhi mahkamah ini dengan alasan-alasan yang remeh terhadap penyampaian kertas kausa. (perenggan 11)

(4) Penyampaian yang diterima oleh Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 adalah penyampaian yang sah, teratur dan diterima bagi pihak responden. Di atas merit, pemohon berhak untuk mendapat perintah seperti yang dipohon di usul pemula (lampiran 1) dan responden tidak mempunyai kepentingan yang boleh dikaveatkan di atas hartanah pemohon. Mahkamah ini juga mempunyai budibicara untuk memberikan perintah selanjutnya seperti dipohon dalam usul pemula tersebut di bawah s. 327(1) Kanun Tanah Negara. (perenggan 13 & 17)

(5) Ia akan membawa ketidakadilan dan prejudis besar kepada pemohon (Abeille D'Or Corporation) di mana tindakan responden atau peguamcaranya adalah tidak munasabah. Adalah tidak adil untuk membenarkan responden menegaskan sebarang hak, jika ada, untuk memohon supaya perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 4) diketepikan selepas membiarkan pemohon mendapat perintah mahkamah untuk membatalkan kaveat persendirian tersebut. (perenggan 20)

(6) Mahkamah ini tidak ingin menggunakan budibicara untuk mengetepikan perintah yang dibuat pada 4 Mei 2011 terhadap responden di mana ia adalah teratur. Tidak ada alasan yang kukuh untuk membenarkan saman dalam kamar (lampiran 7). Ia juga sudah *functus officio*. (perenggan 24)

(7) Sekiranya responden tidak berpuas hati terhadap perintah mahkamah ini pada 4 Mei 2011, responden bebas untuk merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah tersebut dan bukan untuk memohon mengenepikan perintah yang diberi oleh mahkamah setelah mahkamah ini berpuas hati bahawa penyampaian kertas kausa adalah teratur dan memberikan perintah atas merit usul pemula tersebut, dan setelah mendengar pemohon asal. (*Yap Kee Huat & Ors v. Pembangunan Warisan Murni Sejahtera Sdn Bhd & Anor,* dirujuk; *Tan See Siong & Anor v Herman Ando*, dirujuk). (perenggan 25)

Kes-kes yang dirujuk:

Arab Malaysian Merchant Bank Bhd v. City Properties Sdn Bhd [1992] 4 CLJ 2123; [1992] 2 CLJ (Rep) 81 HC ***(dirujuk)***

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad [1995] 4 CLJ 283 FC ***(dirujuk)***

Boyle v. Sacker (1889) 39 Ch D 249 ***(dirujuk)***

First Consolidated Sdn Bhd v. Padu Ehsan Sdn Bhd [1994] 1 CLJ 375 ***(dirujuk)***

Fry v. Moore (1889) 23 QBD 395 ***(dirujuk)***

Goh Siew Wah v. Columbia Films of Malaysia Ltd [1965] 1 LNS 43 FC ***(dirujuk)***

KGN Jaya Sdn Bhd v. Pan Reliance Sdn Bhd [1996] 2 CLJ 611 CA ***(dirujuk)***

Lazard Brothers and Company lwn. Banque Industrielle De Moscou [1932] 1 KB 617 ***(dibezakan)***

Malayan Banking Bhd v. Koay Kang Chuwan & Anor [2010] 6 CLJ 172 CA ***(dirujuk)***

Mason v. Grigg [1909] 2 KB 341 ***(dirujuk)***

MUI Bank Bhd v. Cheam Kim Yu [1992] 4 CLJ 2229; [1992] 1 CLJ (Rep) 222 SC ***(dirujuk)***

Muniandy Thamba Kaundan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor [1996] 2 CLJ 586 FC ***(dibezakan)***

Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Berhad [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***

Pengurusan Danaharta Nasional Berhad v. Yong Wan Hoi & Anor (No 2) [2007] 1 LNS 493 HC ***(dirujuk)***

Tan See Siong & Anor v. Herman Ando [2011] 2 CLJ 16 FC ***(dirujuk)***

Yap Ke Huat & Ors v. Pembangunan Warisan Murni Sejahtera Sdn Bhd & Anor [2008] 4 CLJ 175 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

National Land Code, s. 327(1), Form 19B

Rules of the High Court 1980, O. 10 r. 1(2)

Bagi pihak pemohon - T Gunaseelan (Balraj Singh bersamanya); T/n T Gunaseelan & Assocs

Bagi pihak responden - JY Pua (Ng Cheng Kiat bersamanya); M/s Chur Assocs

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

VT Singham H:

[1] Melalui saman dalam kamar bertarikh 15 Jun 2011 ("lampiran 7"), responden asal (Jia Shun Sdn Bhd) (sekarang pemohon) memohon perintah bahawa:

1. Perintah bertarikh 4 Mei 2011 yang memerintahkan agar:

   a. Pendaftar Hakmilik/Pemungut Hasil Tanah diarah untuk membatalkan Kaveat Persendirian No. Perserahan 21490/2010 ("kaveat tersebut") bertarikh 26 November 2010 yang dimasukkan terhadap tanah tersebut di atas;

   b. Responden dilarang daripada mendaftarkan kaveat yang lain ke atas hartanah tersebut berdasarkan alasan dan/atau isu perkara yang sama di Geran 42744, Lot 1286, Bandar dan Daerah Kuala Lumpur Negeri Wilayah Persekutuan (selepas ini dikenali sebagai "hartanah tersebut"); dan

   c. Responden membayar kos pemohon sebanyak RM6,000 (penyediaan permohonan untuk membatalkan kaveat dan afidavit sokongan pemohon) dan RM2,000 (urusan-urusan di pejabat tanah untuk pembatalan kaveat).

   diketepikan;

2. Pendaftar Hakmilik/Pemungut Hasil Tanah diarah untuk memasukkan kembali kaveat persendirian No. Perserahan 21490/2010 ("kaveat tersebut") bertarikh 26 November 2010 yang dimasukkan terhadap kes tersebut di atas.

3. Pemohon membayar kos permohonan ini.

4. Relif-relif dan lanjut yang didapati wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[2] Alasan-alasan permohonan seperti dicatat dalam saman dalam kamar (lampiran 7) adalah:

(1) Pemohon tidak menyerahkan notis usul pemula bertarikh 4 April 2011 (lampiran 1) kepada responden.

(2) Mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan agar Pendaftar Hakmilik/ Pemungut Hasil Tanah diarah untuk memasukkan kembali Kaveat Persendirian No. Perserahan 21490/2010 bertarikh 26 November 2010 yang dimasukkan terhadap tanah tersebut di atas.

[3] Afidavit sokongan (lampiran 8) untuk saman dalam kamar (lampiran 7) diikrarkan pada 15 Jun 2011 oleh pengarah responden asal (Jia Shun Sdn Bhd) yang menyatakan seperti berikut:

(1) Saya adalah seorang peniaga dan juga merupakan seorang pengarah responden. A

(2) Saya telah diberi kuasa oleh responden untuk mengikrarkan affidavit ini bagi pihak responden.

(3) Semua fakta-fakta yang dinyatakan di dalam affidavit ini adalah di dalam pengetahuan saya atau *berdasarkan rekod-rekod responden atau berdasarkan nasihat peguamcara responden kecuali dinyatakan sebaliknya.* (penekanan oleh mahkamah ini). B

(4) Saya dengan rendah diri merujuk kepada permohonan responden untuk mengenepikan *perintah Mahkamah Yang Mulia ini bertarikh 4 Mei 2011 yang diserahkan ke atas peguamcara responden pada 19 Mei 2011.* (penekanan oleh mahkamah ini). C

(5) *Saya telah dinasihatkan oleh peguamcara responden* dan percaya bahawa perintah bertarikh 4 Mei 2011 adalah tidak sah dan terbatal atas alasan notis usul pemula bertarikh 4 April 2011 tidak diserahkan ke atas responden secara sah dan atas alasan ini sahaja Perintah bertarikh 4 Mei 2011 harus diketepikan. Saya menyatakan bahawa sebarang penyerahan ke atas peguamcara responden adalah tidak sah tanpa sebarang pengesahan ke atas peguamcara responden bahawa mereka mempunyai arahan untuk menerima kertas kausa bagi pihak responden. Peguamcara responden tidak diberi sebarang kuasa ataupun peguamcara responden tidak memberitahu peguamcara pemohon bahawa mereka mempunyai kuasa untuk menerima Surat Kausa berkenaan. (penekanan oleh mahkamah ini). D E F

(6) Saya juga telah dinasihatkan oleh peguamcara responden dan sesungguhnya percaya bahawa *Mahkamah Yang Mulia ini tidak mempunyai kuasa untuk memerintahkan agar responden dilarang daripada mendaftarkan kaveat yang lain ke atas hartanah tersebut berdasarkan alasan dan/atau isu perkara yang sama* di Geran 42744, Lot 1286, Bandar dan Daerah Kuala Lumpur Negeri Wilayah Persekutuan. (penekanan oleh mahkamah ini). G H

(7) Saya dengan rendah diri bagi pihak responden, memohon perintah seperti dipohon.

[4] Pemohon asal (Abeille D'or Corporation) telah memfailkan afidavit jawapan pemohon (lampiran 9). Responden asal memfailkan afidavit jawapan (II) (lampiran 10). I

[5] Sebelum perintah mahkamah yang bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 4) diberikan di atas permohonan dan hujahan peguam pemohon, latar belakang kes, secara ringkasnya, adalah:

1. Melalui usul pemula (lampiran 1) disokong oleh afidavit pengarah syarikat pemohon yang diikrar pada 4 April 2011 (lampiran 2), pemohon memohon perintah seperti berikut:

   (1) Pendaftar Hakmilik/Pemungut Hasil Tanah diarah untuk **membatalkan Kaveat Persendirian No. Perserahan 21490/2010** ("kaveat tersebut") bertarikh 26 November 2010 yang dimasukkan terhadap tanah tersebut di atas; (penekanan oleh mahkamah ini).

   (2) Responden dilarang daripada mendaftarkan kaveat yang lain ke atas hartanah tersebut **berdasarkan alasan dan/atau isu perkara yang sama** di Geran 42744, Lot 1286, Bandar dan Daerah Kuala Lumpur Negeri Wilayah Persekutuan (selepas ini dikenali sebagai "hartanah tersebut"); (penekanan oleh mahkamah ini).

   (3) Responden membayar kos pemohon sebanyak RM6,000 (penyediaan permohonan untuk membatalkan dan/atau mengenepikan kaveat dan affidavit sokongan pemohon) dan RM2,000 (urusan-urusan di pejabat tanah untuk pembatalan pengenepian kaveat); dan

   (4) Kos permohonan ini dibayar oleh responden.

2. Pada 28 April 2011, penghantar dokumen dari firma peguamcara pemohon telah memfailkan afidavit penyampaian yang diikrar pada 27 April 2011 (lampiran 3) di antara perkara yang lain, menyatakan bahawa pada 12 April 2011 deponen telah menghantar salinan usul pemula (lampiran 1) bersama afidavit sokongan (lampiran 2) tersebut berserta satu surat iringan bertarikh 11 April 2011 dan menyampaikan kepada alamat peguamcara bagi responden Tetuan Gunaselan & Associates. Sesalinan surat yang telah diakui terima dengan meletakkan cop penerimaan peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 telah dilampirkan sebagai eks. MHI1. Selain daripada catatan tarikh 4 Mei 2011 jam 9 pagi di notis usul pemula tersebut untuk pendengaran usul pemula tersebut, surat iringan bertarikh 11 April 2011 (eks. MHI1) yang dialamatkan kepada peguamcara Tetuan

Gunaselan & Associates juga telah mencatatkan bahawa tarikh pendengaran usul pemula adalah pada 4 Mei 2011 pada jam 9 pagi.

3. Pada 4 Mei 2011, usul pemula (lampiran 1) dipanggil di mahkamah terbuka. Peguam pemohon hadir dan memaklumkan kepada mahkamah bahawa permohonan (lampiran 1) telah disampaikan kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates dan afidavit penyampaian telahpun difailkan (rujuk nota-nota prosiding pada 4 Mei 2011 bersama keputusan mahkamah yang diberikan pada 4 Mei 2011).

[6] Untuk saman dalam kamar ini (lampiran 7), peguam responden berhujah dan memfailkan Rangka Hujahan Bertulis (lampiran A) bersama otoriti (lampiran A1) di mana secara ringkasnya adalah:

1. Penyampaian usul pemula adalah tidak sah kerana tidak ada sebarang kepastian daripada peguamcara responden bahawa mereka mempunyai arahan untuk menerima proses bagi pihak responden.

2. Peguamcara responden tidak diberi arahan atau dimaklumkan bahawa mereka mempunyai arahan untuk menerima proses tersebut.

3. Afidavit penyampaian yang difailkan bagi pihak pemohon mengesahkan bahawa penyampaian yang diharapkan oleh pemohon adalah penyampaian dan kononnya yang disampaikan ke atas peguamcara responden. Oleh itu, tidak ada penyampaian usul pemula tersebut di atas responden.

4. Tetuan Gunaselan & Associate berhak untuk mengendahkan penyampaian tersebut kerana usul pemula menyatakan bahawa usul pemula termeterai akan diserahkan. Walaupun terdapat apa-apa andaian oleh peguamcara pemohon, perkara yang nyata adalah, Tetuan Gunaselan & Associate tidak memberi sebarang akujanji untuk menerima penyampaian.

[7] Untuk menyokong hujahan, peguamcara responden merujuk kepada kes-kes seperti di ikatan otoriti responden (lampiran B1).

1. *Goh Siew Wah v. Columbia Films of Malaysia Ltd* [1965] 1 LNS 43

A 2. *Muniandy Thamba Kaundan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor* [1996] 2 CLJ 586

3. *First Consolidated Sdn Bhd v. Padu Ehsan Sdn Bhd* [1994] 1 CLJ 375.

B **[8]** Manakala peguam pemohon berhujah di antara perkara-perkara lain dan secara ringkas adalah bahawa:

1. Notis usul pemula (lampiran 1) afidavit sokongan (lampiran 2), dan surat iringan bertarikh 11 April 2011 (eks. MHI1) telah
C disampaikan kepada Tetuan Gunaselan & Associates, peguamcara responden pada 12 April 2011 dan bukan kepada responden sendiri dan penyampaian adalah teratur.

[9] Untuk menyokong hujahan, peguam pemohon merujuk
D kepada kes-kes seperti dalam ikatan otoriti-otoriti (lampiran B).

1. *Pengurusan Danaharta Nasional Berhad v. Yong Wan Hoi & Anor (No 2)* [2007] 1 LNS 493

2. *Mason v. Grigg* [1909] 2 KB 341

E

3. *Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Berhad* [1995] 1 CLJ 609

4. *MUI Bank Bhd v. Cheam Kim Yu* [1992] 4 CLJ 2229; [1992] 1 CLJ (Rep) 222

F

5. *Malayan Banking Bhd v. Koay Kang Chuwan & Anor* [2010] 6 CLJ 172

Keputusan

G

[10] Setelah membaca dan meneliti saman dalam kamar (lampiran 7) afidavit sokongan responden (lampiran 8), afidavit jawapan pemohon (lampiran 9) dan afidavit jawapan (II) responden (lampiran 10), hujah-hujah oleh kedua-dua pihak bersama ikatan
H otoriti dan penyelidikan yang dibuat oleh mahkamah ini, dan setelah menyemak nota-nota prosiding yang dirakamkan pada 4 Mei 2011, keputusan mahkamah adalah:

a. Mahkamah ini berpuas hati bahawa usul pemula (lampiran 1) dan afidavit sokongan (lampiran 2) yang telah diterima oleh
I Tetuan Gunaselan & Associates, adalah sah di mana peguamcara

telah dimaklumkan melalui surat iringan bertarikh 11 April 2011 bahawa pendengaran usul pemula ditetapkan pada 4 Mei 2011 pada jam 9 pagi. Tarikh dan waktu pendengaran juga telah dicatatkan di usul pemula tersebut. (lampiran 1). A

b. Sekiranya peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates tidak ada arahan untuk menerima usul pemula dan afidavit tersebut, dengan segala hormatnya, peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates patut, harus dan bebas untuk memaklumkan kepada peguamcara pemohon bahawa mereka tidak mempunyai arahan untuk menerima penyampaian kertas kausa tersebut ataupun mengembalikan kertas-kertas kausa tersebut kepada peguamcara pemohon dengan sebab-sebab yang tertentu. B C

c. Malangnya, Tetuan Gunaselan & Associates tidak mengambil sebarang tindakan sama ada untuk memaklumkan kepada peguamcara pemohon bahawa pihak beliau tidak ada arahan untuk menerima kertas-kertas kausa tersebut ataupun kembalikan kertas-kertas kausa tersebut tetapi berdiam diri tanpa memaklumkan kepada peguam pemohon. D

d. Dalam keadaan tersebut, mahkamah ini berpendapat adalah munasabah untuk peguamcara pemohon untuk membuat andaian bahawa Tetuan Gunaselan & Associates memang mempunyai arahan untuk menerima kertas kausa tersebut dan Tetuan Gunaselan & Associates ada menerima arahan untuk mewakili responden dalam usul pemula tersebut dan penyampaian adalah teratur. E F

e. Di sini adalah penting untuk meneliti dan dapatkan fakta-fakta latar belakang kes ini sebelum memfailkan usul pemula (lampiran 1), di mana peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates ada mewakili responden dalam tindakan-tindakan yang tertentu yang berkaitan dengan hartanah dalam kes ini sebelum usul pemula ini difailkan di mahkamah ini. G

f. Mahkamah ini berpuas hati bahawa penyampaian usul pemula dan afidavit sokongan pada 12 April 2011 bukan semata-mata tindakan oleh peguamcara pemohon, kepada seorang peguam yang tidak ada kaitan dengan atau tiada pertalian dengan responden di mana tidak boleh dikatakan Tetuan Gunaselan & Associates tidak ada sebarang hubungkait dengan responden. Sebaliknya, didapati Tetuan Gunaselan & Associates bertindak H I

sebagai peguamcara responden untuk memfailkan saman dalam kamar ini (lampiran 7) pada 16 Jun 2011 setelah perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 disampaikan kepada peguamcara pada 19 Mei 2011.

g. Mahkamah ini berpendapat selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 4) juga disampaikan kepada peguamcara responden Tetuan Gunaselan & Associates pada 19 Mei 2011 tetapi perintah mahkamah tersebut tidak dikembalikan oleh Tetuan Gunaselan & Associates kepada peguamcara pemohon tetapi berdiam diri sehingga saman dalam kamar (lampiran 7) difailkan di mahkamah ini pada 16 Jun 2011.

h. Walau bagaimanapun, setelah tiga minggu dari tarikh penyampaian perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 3) pada 19 Mei 2011 tersebut disampaikan kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates, peguamcara tersebut memfailkan saman dalam kamar ini (lampiran 7) pada 16 Jun 2011. Tetuan Gunaselan & Associates sebagai peguamcara responden melalui saman dalam kamar ini (lampiran 7) memohon mengetepikan perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 di atas alasan peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates tidak mewakili responden untuk usul pemula (lampiran 1) dan penyampaian usul pemula dan afidavit kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 adalah tidak sah. (Rujuk A. 10 k. 1(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980). (Rujuk kes *Pengurusan Danaharta Nasional Berhad v. Yong Wan Hoi & Anor (No 2)* [2007] 1 LNS 493; *Mason v. Grigg* [1909] 2 KB 341).

i. Mahkamah ini mendapati bahawa mahkamah ini memberikan perintah bertarikh 4 Mei 2011 di atas asas afidavit penyampaian (lampiran 3) yang difailkan oleh peguamcara pemohon bahawa usul pemula dan afidavit bersama surat iringan 11 April 2011 telah disampaikan dan diterima oleh peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates. Oleh itu, dan dengan segala hormatnya, mahkamah ini tidak dapat menerima alasan-alasan yang dikemukakan oleh peguam bagi responden dalam saman dalam kamar ini (lampiran 7) bahawa, penyampaian dan penerimaan oleh peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates bukanlah penyampaian yang sah.

j. Seperti dinyatakan di atas, mahkamah ini ingin menegaskan dan dengan segala hormatnya bahawa apabila sebuah firma peguamcara menyampaikan kertas-kertas kausa kepada sebuah firma peguamcara yang lain dan dimaklumkan tarikh pendengaran usul pemula tersebut, peguamcara yang menerima kertas kausa dan meletak cop penerimaan sebagai bukti penerimaan pada 12 April 2011 tidak boleh berdiam diri selama-lamanya dan seterusnya bersedia dan setuju untuk menerima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 pada 19 Mei 2011 dan tanpa sebarang pertikaian atau bantahan. Selain daripada usul pemula (lampiran 1) yang disampaikan pada 12 April 2011 dan sesalinan termeterai perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 Tetuan Gunaselan & Associates terus berdiam diri pada kedua-dua tarikh tersebut. Sebaliknya, beberapa minggu kemudian daripada tarikh menerima perintah mahkamah yang termeterai tersebut pada 19 Mei 2011, peguam responden baru bangun dan memfailkan permohonan bagi pihak anak guam pada 16 Jun 2011 untuk mengenepikan perintah mahkamah itu, di atas alasan anak guam tidak menerima kertas-kertas kausa dan peguamcara yang telah akui penerimaan kemudian menyatakan bahawa peguamcara tersebut tidak ada arahan untuk menerima kertas-kertas kausa tersebut pada 12 April 2011.

k. Dalam kes ini, usul pemula bersama afidavit sokongan diakui terima oleh peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 di mana tarikh pendengaran usul pemula telah dicatat sebagai 4 Mei 2011 jam 9 pagi dan tarikh dan waktu pendengaran juga dicatit dalam surat iringan tetapi peguam tersebut terus berdiam diri. Kemudian peguam responden juga bersedia akui terima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 pada 19 Mei 2011 dan sekali lagi terus berdiam diri sehingga 16 Jun 2011 apabila saman dalam kamar ini (lampiran 7) ini difailkan untuk mengetepikan perintah bertarikh 4 Mei 2011. Dalam keadaan tersebut dan sekiranya didapati penyampaian tersebut tidak teratur, di mana mahkamah ini berpendapat adalah teratur, di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, responden atau peguamcaranya boleh dikatakan telah pada 12 April 2011 mengetepikan (waived) sebarang hak pemohon atau peguamcaranya untuk menyatakan penyerahan adalah tidak teratur. Seterusnya, pemohon dan/atau peguamcaranya tidak berhak untuk menafikan penerimaan usul pemula dan

A afidavit sokongan di atas alasan penyampaian adalah tidak teratur. (Rujuk *Fry v. Moore* (1889) 23 QBD 395 dan *Boyle v. Sacker* (1889) 39 Ch D 249).

l. Walaupun tidak ada sebarang pengesahan bahawa Tetuan B Gunaselan & Associates ada memaklumkan kepada peguamcara pemohon untuk penyampaian usul pemula dan afidavit sokongan kepada peguamcara tersebut, peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates yang mengaku terima, tidak patut dilayan atau diberi kebebasan untuk menafikan bahawa C penyampaian atau penerimaan kertas-kertas kausa pada 12 April 2011 adalah tidak sah. Setiap kes harus diputuskan berdasarkan fakta-fakta latar belakang kes dan keadaan faktor-faktor sekeliling dan bukan semata-mata menolak penyampaian kertas kausa sebagai tidak sah di atas alasan-alasan remeh, D tidak munasabah atau fikiran semula (afterthought). Seterusnya, peguamcara responden di atas sebab-sebab tersebut adalah, dengan segala hormatnya, diestop untuk menafikan atau mencabar bahawa penyampaian usul pemula adalah tidak teratur. Doktrin estopel adalah berdasarkan maxim *allegaus* E *contravia non est audiendus* (a party is not to be heard to allege to the contrary).

> Dalam kes *Supreme Finance (M) Bhd lwn. Wing Hong How* [1999] 2 CLJ 1057 peguamcara yang menerima Writ Saman melalui surat bertarikh 16.8.1990 daripada peguamcara plaintif F telah menjawab kepada peguam plaintif bahawa mereka tidak ada arahan untuk terima penyampaian proses tersebut dan melalui surat bertarikh 20.8.1990 kembalikan Writ Saman kepada peguamcara plaintif. Oleh itu, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa penyampaian Writ Saman harus dibuat G pada defendan. Dengan itu dan oleh kerana Writ Saman tidak disampaikan ke atas defendan, penghakiman yang diperolehi terhadap defendan telah diketepikan kerana tidak mematuhi A. 10 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

m. Mahkamah ini juga berpendapat, dengan segala hormatnya, H apabila peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates:

(1) berdiam diri,

(2) tidak membantah,

I (3) tidak mengembalikan usul pemula dan afidavit kepada peguamcara pemohon, dan

(4) tidak memaklumkan kepada peguamcara pemohon bahawa mereka tidak mempunyai arahan untuk terima kertas kausa, A

maka peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates dan dengan segala hormatnya, berdasarkan tingkah laku tersebut menggalakkan peguamcara pemohon untuk percaya bahawa B tidak ada sebarang pencabaran atau penafian terhadap penyampaian usul pemula dan afidavit sokongan kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates. Lebih-lebih lagi, bukan sahaja peguamcara tersebut berdiam diri dan menggalakkan peguamcara pemohon untuk percaya bahawa C Tetuan Gunaselan & Associates ada arahan untuk menerima proses kertas-kertas kausa tersebut. Mahkamah ini berpendapat bahawa di atas keseluruhan tingkah laku tersebut, peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates, dalam keadaan tersebut tidak boleh, tidak adil dan inequitable untuk menafikan D penerimaan penyampaian kertas-kertas kausa. Peguamcara tersebut telah menggalakkan peguamcara pemohon untuk percaya dan membuat andaian di mana adalah munasabah bahawa penyampaian kertas-kertas kausa kepada Tetuan Gunaselan & Associates diterima sebagai peguamcara bagi E responden dan adalah sah dan tidak munasabah untuk membenarkan peguamcara tersebut membantah penerimaan proses kertas-kertas kausa dengan mengatakan ianya tidak teratur dan tidak ada arahan untuk terima pada peringkat ini melalui saman dalam kamar (lampiran 7) iaitu lebih kurang dua F bulan dari tarikh 12 April 2011. (Sebagai analogi, rujuk kes *KGN Jaya Sdn Bhd v. Pan Reliance Sdn Bhd* [1996] 2 CLJ 611; *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad* [1995] 4 CLJ 283).

G Dalam kes *Arab Malaysian Merchant Bank Bhd v. City Properties Sdn Bhd* [1992] 4 CLJ 2123; [1992] 2 CLJ (Rep) 81 Lim Beng Choon H berkata di ms 92 bahawa:

> Finally it is to be noted that the first letter of demand dated 19 July 1989 was duly served on the defendant (see Exhibit H 'D' annexed to Encl. 2) which was followed by a statutory notice of default Form 16D dated 4 October 1989 which was also duly served on the defendant (see Exhibit 'E' annexed to Encl. 2). If the defendant was really convinced that the charge was illegal, *one would have expected it to protest vehemently if not, upon receipt of the first letter of demand, at* I

> *least soon after receipt of the same. This it had not done and rather chose to remain silent until it was no doubt urged by the ingenuity of its legal advisers to raise the issue of illegality a year later so as to create doubt and confusion over the perfectly good cause and matter relied by plaintiffs in the present action. Under the circumstances, I am justified in questioning the bona fide of the defendant.* (penekanan oleh mahkamah ini). (Kes tersebut juga dirujuk sebagai satu analogi terhadap kes di hadapan mahkamah ini).

[11] Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa prayer atau perintah yang dipohon oleh pemohon dalam usul pemula (lampiran 1) adalah untuk membatalkan kaveat persendiran yang difailkan oleh responden ke hartanah pemohon. Seterusnya, peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates, dengan segala hormatnya, harus dan patut sedar apakah akibat dan risiko sekiranya responden tidak membalas ataupun menghadiri mahkamah pada tarikh pendengaran usul pemula pada 4 Mei 2011. Oleh itu, dan dengan segala hormatnya, mahkamah ini berpendapat bahawa sebarang tindakan oleh responden atau wakilnya untuk memfailkan saman dalam kamar ini untuk mengetepikan perintah mahkamah yang diberikan pada 4 Mei 2011 (menurut afidavit penyampaian (lampiran 3)), adalah dibuat dengan fikiran semula (an afterthought) dan dengan tujuan atau niat melengahkan keadilan dan untuk mempengaruhi mahkamah ini dengan alasan-alasan yang remeh terhadap penyampaian kertas kausa.

Dalam kes *Tan Kim Seng v. Ibrahim Victor Adam* [2004] 1 SLR 181 Mahkamah Rayuan berkata di ms 184-185 bahawa:

> In the course of the last decade, there has been a major shift in the judicial approach towards the control of litigation proceedings, not only in Singapore, but in other parts of the Commonwealth. The emphasis is now on expedition, economy, and the avoidance of delay in litigation. Disputes will no longer be allowed to drag on for years.

[12] Dalam kes ini, seterusnya, bukan sahaja peguamcara responden berdiam diri sejak kertas-kertas kausa disampaikan kepada firma peguamcaranya yang akui penerimaan pada 12 April 2011 tetapi firma peguamcaranya masih berdiam diri sahaja dan bersedia terima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 yang dimeteraikan pada 19 Mei 2011 seperti diakui di perenggan 4, afidavit sokongan (lampiran 8). Di sini mahkamah ini juga ingin

menyatakan bahawa melalui perenggan 4, afidavit sokongan responden (lampiran 8) oleh responden, ia dengan jelas menyatakan bahawa responden memohon melalui saman dalam kamar (lampiran 7) yang difailkan pada 16 Jun 2011 untuk mengenepikan perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 yang diserahkan ke atas peguamcara responden pada 19 Mei 2011. Malangnya, saman dalam kamar (lampiran 7) hanya difailkan pada 16 Jun 2011 dan afidavit sokongan oleh responden (lampiran 8) diikrar pada 15 Jun 2011 walaupun perintah meterai tersebut disampaikan kepada peguamcara responden Tetuan Gunaselan & Associates pada 19 Mei 2011 dan tidak ada sebarang pertikaian selama lebih kurang tiga minggu.

[13] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpuas hati bahawa penyampaian yang diterima oleh Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 adalah penyampaian yang sah, teratur dan diterima bagi pihak responden. Seterusnya, di atas alasan-alasan tersebut, adalah tugas peguamcaranya untuk memaklumkan responden terhadap usul pemula yang ditetapkan pada 4 Mei 2011 dan apakah akibatnya dan risiko jika responden atau peguamcaranya gagal hadir ke mahkamah pada 4 Mei 2011.

[14] Kes-kes yang dirujuk oleh peguam responden, khususnya, *Muniandy Thamba Kaundan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor* [1996] 2 CLJ 586 FC boleh dibezakan di atas fakta-fakta dan keadaan kes-kes tersebut, apabila dibandingkan dengan fakta dan kes di hadapan mahkamah ini.

Dalam kes *Muniandy Thamba Kaundan & Anor v. Development & Commercial Bank Berhad & Anor* pada tarikh pendengaran pertama, defendan atau peguamcaranya tidak hadir dan tarikh penangguhan (adjourned hearing date) (notice of hearing) bagi pendengaran halang tebus juga tidak disampaikan kepada responden seperti yang dikehendaki dari segi undang-undang. Oleh itu, Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa notis pendengaran harus diserahkan (served) dan dihantar (send) di mana defendan hanya dimaklumkan melalui surat yang dihantar dan didapati penghantaran surat adalah tidak teratur (irregular) kerana penyampaian dan penghantaran adalah dua perkara yang berlainan. Dengan itu, Mahkamah Persekutuan mengenepikan perintah yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi ke atas ketidakhadiran defendan.

[15] Seterusnya, sekiranya peguamcara responden mendapati bahawa perintah tersebut adalah satu perintah *ex parte* dan masih boleh diketepikan, mahkamah ini dengan segala hormatnya mendapati perintah itu bukan perintah *ex parte* tetapi didengar secara *ex parte* atas merit dan perintah diberikan setelah meneliti dan membaca afidavit sokongan, alasan-alasan yang dicatat di Borang B Kanun Tanah Negara dan prinsip undang-undang terhadap pembatalan kaveat persendirian dan di atas kegagalan responden atau peguamcara hadir di mahkamah pada 4 Mei 2011 atau memfailkan sebarang afidavit jawapan. Seterusnya, perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 tersebut juga diberikan setelah mahkamah ini berpuas hati bahawa penyerahan berlaku di atas peguamcaranya Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011 bagi pihak responden dan mereka mempunyai arahan untuk menerima kertas kausa bagi pihak responden seperti yang dimaklumkan oleh peguam pemohon kepada mahkamah pada 4 Mei 2011. Sekiranya peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates tidak terima sebarang arahan dari responden, mahkamah ini berpendapat, dengan segala hormatnya, peguamcara tersebut mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada peguamcara pemohon supaya peguamcara pemohon juga boleh mengambil tindakan atau langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyampaikan dan menyerahkan usul pemula terus kepada responden. Seterusnya dan dalam keadaan tersebut, peguam pemohon juga boleh mendapat peluang untuk memaklumkan kepada mahkamah atau mendapat garis panduan atau arahan dari mahkamah pada 4 Mei 2011 ataupun memohon tarikh lain untuk menyampaikan kertas kausa terus kepada responden. Mahkamah ini mendapati kegagalan untuk memaklumkan kepada peguamcara pemohon bahawa peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates tidak mempunyai arahan untuk menerima kertas-kertas kausa, dengan segala hormatnya, telah salah arah (misled) peguamcara pemohon untuk membuat andaian di mana adalah munasabah bahawa peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates memang ada menerima arahan untuk menerima penyampaian kertas-kertas kausa tersebut. Seterusnya, mahkamah ini berpendapat di mana andaian kepercayaan adalah munasabah dan menurutnya peguam pemohon telah memfailkan afidavit penyampaian sebelum memohon perintah di mahkamah pada 4 Mei 2011 dalam usul pemula.

[16] Mahkamah ini juga berpendapat dan telah berpuas hati di atas merit bahawa pemohon berhak untuk mendapat perintah seperti dipohon di usul pemula (lampiran 1). Dalam kes ini, setelah meneliti, membaca usul pemula (lampiran 1), afidavit sokongan (lampiran 2) dan alasan-alasan yang tercatat dalam Borang Statutori 19B Kanun Tanah Negara dan setelah mendengar hujah-hujah peguam pemohon dan merujuk kes-kes dan dirujuk yang menyokong usul pemula (lampiran 1), mahkamah ini telah menggunakan budi bicara untuk membenarkan perintah-perintah yang dipohon dalam usul pemula tersebut pada 4 Mei 2011 di atas fakta dan prinsip undang-undang untuk membatalkan kaveat persendirian.

[17] Mahkamah ini berpuas hati di atas alasan-alasan yang telah dicatat dalam nota-nota prosiding yang dirakamkan pada 4 Mei 2011 bahawa responden tidak mempunyai kepentingan yang boleh dikaveatkan di atas hartanah pemohon. Mahkamah ini juga mempunyai budi bicara untuk memberikan perintah selanjutnya seperti dipohon dalam usul pemula tersebut di bawah s. 327(1) Kanun Tanah Negara.

[18] Oleh yang demikian, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa s. 327(1) Kanun Tanah Negara membenarkan mahkamah ini untuk memberikan perintah tersebut sekiranya dipohon melalui permohonan *ex parte*, suatu perintah membatalkan kaveat persendirian tersebut. Walau bagaimanapun, pemohon tidak mengambil kesempatan untuk memohon perintah secara *ex parte* seperti diperuntukkan di bawah s. 327(1) tersebut. Pemohon dengan ikhlas dan jujur melalui peguamcaranya telah memberi peluang kepada responden atau peguamcaranya untuk hadir di mahkamah pada 4 Mei 2011 dengan menyampaikan kertas kausa kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates pada 12 April 2011. Malangnya, peguamcara atau responden tidak hadir di mahkamah pada 4 Mei 2011. Mahkamah ini juga mendapati bahawa sebarang ketidakaturan penyampaian kertas-kertas kausa kepada peguamcara Tetuan Gunaselan & Associates jikapun terdapat, telah diketepikan (waived) dan diestop dan pada masa peguamcaranya masih bersedia dan terus menerima perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 pada 19 Mei 2011 dan masih berdiam diri sehingga saman dalam kamar (lampiran 7) difailkan pada 16 Jun 2011. (Rujuk *Fry v. Moore* (1889) 23 QBD 395, *Boyle v. Sacker* (1888) 39 Ch D 249).

Dalam kes *Stackhouse lwn. Barnston* [1805] 10 Ves 453 at 466; ER 32 Ch 921 Mahkamah berkata di ms 925 dan 926:

> A waiver is nothing; unless it amounts to a release. It is by a release, or something equivalent, only, that an equitable demand can be given away. A mere waiver signifies nothing more than an expression of intention not to insist upon the right; which in equity will not without consideration bar the right any more than a law accord without satisfaction would be a plea.

Dalam kes *Structural Concrete Sdn Bhd & Ors lwn. Wing Tick Holdings Bhd* [1997] 1 MLJ 581 Mahkamah Rayuan berkata di ms 586:

> Exercise of judicial discretion are not judicial precedent because they are only authority for the facts of the particular case.
>
> In particular matter before us, we regret that the defendants' solicitors thought fit to carry their objection as far as they have done. By so doing, they may have gained their clients' time. It is very doubtful if they have served the ends of justice.

Dalam kes *Leal v. Dunlop Bio-Processes International Ltd* (1984) 1 WLR 874 Mahkamah berkata:

> The court's restraining hand is an important restriction on the misuse of ... procedure.

[19] Perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 telah memutuskan hak pemohon untuk membatalkan kaveat persendirian yang dimasukkan oleh responden. Seterusnya, keputusan mahkamah ini adalah muktamad dan perintah juga adalah muktamad melainkan perintah tersebut diketepikan oleh Mahkamah Rayuan sekiranya terdapat rayuan terhadap perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011. Di atas fakta dan latar belakang kes ini, mahkamah ini tidak bercadang untuk menggunakan budi bicara bagi mengenepikan perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 3).

[20] Seterusnya, mahkamah ini berpendapat di atas fakta-fakta keadaan dan kronologi kes ini, serta tindakan dan tingkah laku bagi responden ataupun peguamcaranya, berdiam diri di atas jenis relief yang dipohon oleh pemohon melalui usul pemula (lampiran 1) dan

perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 4) ia akan membawa ketidakadilan dan prejudis besar (substantial) kepada pemohon (Abeille D'OR Corporation), di mana tindakan responden (Jia Shun Sdn Bhd) atau peguamcaranya adalah tidak munasabah dan tidak adil (unjust) untuk membenarkan responden atau peguamcaranya menegaskan (to assert) sebarang hak, jika terdapat, yang dinafikan untuk memohon supaya perintah mahkamah bertarikh 4 Mei 2011 (lampiran 4) diketepikan selepas membiarkan pemohon mendapat perintah mahkamah untuk membatalkan kaveat persendirian tersebut seperti diperolehi di usul pemula (lampiran 1).

Dalam kes *Maxwell v. Keun & Ors; Same v. Same* [1928] 1 KB 645 Atkin H berkata:

> ... in the exercise of a proper judicial discretion no judge ought to make such an order as would defeat the rights of a party and destroy them altogether, *unless is satisfied that he has been guilty of such conduct that justice can only be properly done to the other party by coming to that conclusion.* (tekanan oleh mahkamah ini)

Dalam kes *Packirisamy v. Janagy* [1970] 2 MLJ 202, Sharma H berkata di ms 203:

> In exercising their discretion it is the duty of the courts to exercise that discretion judicially, that is in accordance with common sense and doing so should bear in mind all that may promote justice and not defeat it. If discretion is exercised otherwise, it may only tend to strike at the root of justice or result in injustice being done.

Dalam kes *Hunter v. Chief Constable of the West Midlands Police* [1982] AC 529, Lord Diplock berkata di ms 536:

> ... The inherent power which any court of justice must possess to prevent misuse of its procedure in a way which, although not inconsistent with the literal application of its procedural rules, would nevertheless be manisfestly.
>
> It is important to state that the discretion by the court must be exercised judicially to be meaningful and effective as judicial office is essential a public trust. This function invariably is an inescapable judicial task and is not an exercise of whim or will to please or oblige any particular party or litigant. It is worth reminding ourselves of judicial

A fairness and it is of a fundamental importance that justice should both be done and manifestly seen to be done. Indeed, fairness is what justice really is. (Rujuk kes *Yeoh Kim Leng & Ors v. Kelapa Sawit (Teluk Anson) Sdn Bhd & Ors* [2008] 8 MLJ 142 di ms 159).

B **[21]** Mahkamah ini berpendapat bahawa perintah mahkamah harus membawa prosiding di mahkamah ini diselesaikan secara muktamad dan mahkamah ini dan pemohon tidak boleh dibiarkan menunggu dalam keadaan tidak menentu terhadap muktamad (finality) di mana kaveat persendirian tersebut telahpun dibatalkan
C setelah mahkamah ini berpuas hati di atas merit dan prinsip undang-undang untuk membatalkan kaveat persendirian bahawa pemohon berhak supaya kaveat persendirian tersebut dibatalkan. Walau bagaimanapun, kes ini adalah berdasarkan kepada fakta-fakta dan keadaan kes di mahkamah ini dan juga satu kes di mana
D keputusan mahkamah harus dan telah diakhiri secara muktamad. Pihak-pihak yang tidak berpuas hati terhadap keputusan atau perintah mahkamah ini pada 4 Mei 2011 patut merayu kepada Mahkamah Rayuan dan dengan hormatnya, tidak patut memohon mengenepikan keputusan atau perintah mahkamah ini yang
E diberikan pada 4 Mei 2011 setelah mahkamah ini memberi pertimbangan kepada merit kes tersebut dan mendengar hujah-hujah oleh peguam pemohon. (Rujuk kes *MUI Bank Bhd v. Cheam Kim Yu* [1992] 4 CLJ 2229; [1992] 1 CLJ (Rep) 222 SC).

F **[22]** Walau bagaimanapun dan sekiranya perintah mahkamah ini yang diberikan pada 4 Mei 2011 didapati tidak teratur dan diberikan tanpa mendengar merit notis usul tersebut (lampiran 1), atau tidak sah atau tidak mempunyai bidang kuasa, kemungkinan mahkamah ini mempunyai budi bicara untuk mengenepikan suatu
G penghakiman ingkar seperti dalam keadaan tersebut.

Dalam kes *Lazard Brothers and Company v. Banque Industrielle De Moscou* [1932] 1 KB 617, mahkamah berkata bahawa mahkamah boleh mengetepikan suatu penghakiman ingkar sekiranya didapati atau di mana mahkamah dimaklumkan bahawa penghakiman ingkar
H telah dimasukkan terhadap seorang yang pada masa itu telah meninggal dunia atau suatu syarikat telah digulungkan atau tidak wujud. Mahkamah sendiri boleh mengetepikan penghakiman ingkar setelah mendengar kedua-dua belah pihak (Kes *Lazard Brothers and Company lwn. Bauque Industrielle De Moscou* dirujuk dalam kes *The*
I *New Straits Times Press (M) Bhd & Anor And Another Appeal* [2008] 6 CLJ 697 di ms 714).

[23] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, keadaan dan fakta-fakta kes bukanlah seperti yang dikatakan dalam kes *Lazard Brothers and Company v. Bauque Industrielle De Moscou.* Di atas fakta-fakta dan dan keadaan sekeliling kes di hadapan mahkamah ini, responden sepatutnya memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan kerana perintah mahkamah ini yang diberikan pada 4 Mei 2011 (lampiran 4) di atas notis usul pemula (lampiran 1) adalah di atas merit. Responden tidak sepatutnya memfailkan permohonan ini untuk mengenepikan perintah mahkamah ini kerana saya sudah *functus officio.* (Rujuk kes *MUI Bank Bhd v. Cheam Kim Yu* [1992] 4 CLJ 2229; [1992] 1 CLJ (Rep) 222 SC).

[24] Di atas sebab-sebab yang tersebut, mahkamah ini tidak ingin menggunakan budi bicara untuk mengetepikan perintah yang dibuat pada 4 Mei 2011 terhadap responden dimana adalah teratur dan tidak ada alasan yang kukuh untuk membenarkan saman dalam kamar (lampiran 7). Seterusnya, saya juga sudah *functus oficio*.

[25] Di atas keadaan dan sebab-sebab yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat dan ingin menegaskan bahawa sekiranya responden tidak berpuas hati terhadap perintah mahkamah ini pada 4 Mei 2011, responden bebas untuk merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah tersebut dan bukan untuk memohon mengenepikan perintah yang diberi oleh mahkamah setelah mahkamah ini berpuas hati bahawa penyampaian kertas kausa adalah teratur pada masa itu dan memberikan perintah atas merit usul pemula tersebut setelah mendengar peguam pemohon asal. (Rujuk kes *Yap Ke Huat & Ors v. Pembangunan Warisan Murni Sejahtera Sdn Bhd & Anor* [2008] 4 CLJ 175; *Tan See Siong & Anor v. Herman Ando* [2011] 2 CLJ 16). Seterusnya, dan demi kehendak keadilan, saman dalam kamar (lampiran 7) ditolak dengan kos.